



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU


**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 26 BILANGAN 36

RABU 9HB SEPTEMBER, 1981.

1401 ذوالقعدة رابو 10

PERCHUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bertukar-tukar chenderamata dengan Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah, Tuan Haji Adanan Robert, sa-bagai kenang-kenangan atas keberangkatan Baginda ka-negeri itu.

D.Y.M.M. berangkat pulang sa-telah lawatan ka-Sabah

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat pulang ka-tanah ayer pada hari Ahad lepas sa-telah melakukan lawatan rasmi sa-lama empat hari ka-Sabah.

Baginda Yang Dipertuan telah di-iringi oleh ayahanda Baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Diga-

dong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Penasehat Umom Baginda, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

SAMBUTAN MERIAH

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan rombongan berangkat ka-Sabah pada hari Khamis 3hb September.

Keberangkatan Baginda dan rombongan di-Lapanganterbang Kota Kinabalu telah di-sambut dengan penuh kebesaran dan adat istiadat. Mengalu2kan keberangkatan Baginda ia-lah Tuan Yang Terutama Yang Dipertua

Negeri Sabah, Tun Haji Adanan Robert, YAB Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh dan Timbalan-nya YB Datuk James Ongkili dan para menteri2 kabinet yang lain.

Sa-jurus sa-lepas itu, Baginda Yang Dipertuan menerima tabek hormat dari 150 orang pegawai2 dan anggota Regiment Pertama Askar Melayu Diraja Malaysia di-bawah perintah Major Ahmad Ghazali dan serentak dengan itu tembakan meriam sa-banyak 21 das telah dilepaskan.

Sa-lepas itu, TYT Yang Dipertua Negeri Sabah memperkenalkan Menteri

Lihat muka 20

Pmk. Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan melantek Dato Paduka Awg Hj Mohd Ali bin Hj Mohd Daud menjadi Pemangku Ketua Jabatan Perkhid-

matan Diplomatik mulai 1hb September 1981. Sa-belum ini, Dato Paduka Awg Hj Mohd Ali telah di-lantek sa-bagai Pemangku Timbalan Ketua Jabatan tersebut.

Dengan lantekan yang baru ini Dato Paduka Awg

Hj Mohd Ali akan menjalankan tugas2 Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik yang sa-belumnya di-pegang oleh Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib yang kini memegang jawatan Setia Usaha Kerajaan.

HUBONGAN RAPAT BRUNEI — SABAH TELAH LAMA UJUD

KOTA KINABALU. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertitah bahawa hubungan rapat di-antara raayat Sabah dengan Brunei telah begitu lama ujud dan ternukil dalam sejarah kedua2 belah pehak.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah demikian di-majlis Persantapan Negara yang telah di-adakan di-Istana Seri Gaya di-sini pada hari Khamis 3hb September yang lalu.

LAWATAN MUHIBBAH

"Oleh yang demikian lawatan Beta ka-negeri Sabah ini ada-lah merupakan lawatan muhibbah yang bertujuan untuk membarui serta mempererat lagi tali perhubungan yang sedia ada itu. Insha Allah," titah Baginda.

"Mudah2an lawatan Beta ini akan menghasilkan kerjasama yang rapat berjiran baik yang menda-tangkan munafaat di-antara raayat Malaysia, khususnya raayat Negeri Sabah dengan raayat Beta dalam bidang2 yang tertentu yang di-redhai oleh Allah s.w.t." titah Baginda Yang Dipertuan selanjut-nya.

Baginda Sultan juga melahirkan harapan agar lawatan Baginda yang sengkak ka-Negeri Sabah itu akan memberikan peluang kepada Baginda pada melihat sedikit sa-banyak dari ranchangan2 kemajuan yang pesat yang di-usahakan pada waktu ini.

LAYANAN MESRA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, telah juga menchatetkan penghargaan serta terima kasih Baginda kepada semua pehak yang berkenaan atas penghormatan serta sambutan dan layanan yang mesra yang di-berikan ka-

pada Baginda serta rombongan Baginda.

Terdahulu dari itu Kebawah DYMM telah menguchapkan sa-tinggi2 terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Haji Adanan Robert atas ucapan mengalu2kan keberangkatan Baginda ka-negeri itu.

"Beta sungguh gembira kerana dengan izin Allah jua dapat berpeluang mengadakan lawatan ka-Negeri Sabah ini pada menu-naikan undangan yang ikhlas dari Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah."

Pegawai2 dan kakitangan K'jaan di-seru berhubung rapat dengan raayat

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz sekali lagi menarek perhatian tentang titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Isi titah kandungan Baginda itu, jelas Yang Amat Berhormat menekankan supaya pegawai2 dan kakitangan Kerajaan Baginda menjalankan tugas2 dengan jujur dan amanah semata-mata untuk kebaikan Negeri Brunei Darussalam yang kita kasahi ini.

Di-samping itu, menurut Yang Amat Berhormat, titah Baginda Yang Dipertuan itu juga mengkeh-

daki semua pegawai2 dan kakitangan kerajaan bekerja tanpa mengira waktu dan penat lelah dan hendaklah sentiasa bersedia untuk di-hubungi oleh raayat yang memerlukan apa2 jua pertolongan kerana Allah s.w.t.

Membentangkan demikian ketika Membacha Khutbah Jumaat bertempat di-Masjid Kampung Burong Pingai Ayer di-sini pada hari Jumaat lepas, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar seterusnya berkata bahawa hajat serta hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu sangat chuchok pula dengan ajaran2 ugama kita di-mana antara-nya Rasulullah s.a.w. pernah menegaskan baha-

Lihat muka 20

Manis-nya Iman

"ADA pun kenabaran itu is-lah di-usat2 awal kedukaan memnapi." — HADITH Nabi riwayat Sayidina Anas (r.a.) dan disepakati oleh Bukhari dan Muslim.



Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
NASIONAL
NEGERI
BRUNEI

9HB SEPTEMBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah
dan maha penyayang*

PERHATIAN:

KES MURID PEREMPUAN 13 TAHUN

MAHKAMAH di-ibu negeri, seperti yang di-lapor-kan oleh sa-buah akhbar minggu lepas, telah mendengar satu kes sa-orang murid perempuan berumur 13 tahun bermalam dalam sa-buah kereta bersama dua orang pemuda dan mengadakan hubungan jenis dengan kedua2 pemuda tersebut.

Tentu-lah kejadian itu suatu yang malang kepada keluarga murid berkenaan. Dan ramai lagi ibu-bapa yang membaca berita itu akan merasa cemas dimana di-perchayai ada-nya kegiatan pemuda2 yang memangsakan murid2 perempuan.

Kejadian dalam kes tersebut di-katakan berlaku dalam musim perayaan baru2 ini. Murid perempuan yang berkenaan itu di-katakan telah mengikut ajakan pemuda2 tersebut sejour sa-lepas ia mengambil bahagian menyanyi dalam acara persembahan sekolah-nya di-Padang Besar ibu negeri. Ini menguatkan kebimbangan sa-tengah2 orang terhadap kesan sampingan dari suasana perayaan di-mana beberapa kejadian yang sa-akan2 serupa boleh saja terjadi dalam kesibukan orang ramai berhibor dan tarekan ghairah suasana.

Dalam kejadian seperti kes itu, orang akan mem-persoalkan kawalan ibu-bapa ka-atas anak2 mereka. Sangkan bahawa ada ibu-bapa yang sudah tidak mengawasi kegiatan anak2 mereka mungkin benar. Tetapi mereka boleh saja dengan mudah berdalih menyalakan suasana, yang menurut mereka, bertanggungjawab memberikan kebebasan yang luas kepada anak2 muda sekarang. Tambahan itu ia-lah tarekan pengarah2 pembachaan, pendengaran dan penglihatan di-katakan mengatasi ajaran2 ibu-bapa di-rumah dan tunjok ajar guru2 di-sekolah.

Maka memang-lah persoalan seperti dalam kejadian tersebut bersangkut paut dengan berbagai2 unsur dalam masyarakat sekarang. Ini menyakinkan kita untuk menyerukan supaya semua pihak memberi perhatian terhadap kejadian2 seperti itu dengan tidak bersikap lemah semangat oleh alasan2 bahawa kejadian sa-demikian merupakan penomina biasa yang seiring dengan kemajuan yang di-tempoh oleh negeri ini dalam perkembangan-nya.

Mungkin sa-tengah2 orang yang tajam pemerhatian-nya telah mempersoalkan kewibawaan pihak tertentu apabila membaca laporan berita kes tersebut. Tetapi mereka juga perlu-lah mengambil perhatian betapa tindakan segera bapa murid perempuan yang berkenaan melaporkan 'kehilangan' anak-nya telah menolok pihak2 berkenaan menjadikan tersebut suatu kes dalam mahkamah. Ini membuktikan sa-bahagian besar 'perlindungan' dapat di-berikan oleh orang ramai dengan mereka tidak memperkecilkan kejadian yang nampak-nya sudah ketara menandakan kekechohan moral seperti itu.

Dalam kes yang di-dengar oleh mahkamah itu, sekurang2-nya orang ramai dapat mengukur sa-jauh mana 'limpas'-nya sa-orang murid perempuan dalam umur awal belasan tahun. Ia di-katakan telah dengan sukarela menurut dan menyambut ajakan pemuda2 yang di-dapati bersalah mengadakan hubungan jenis dengan-nya itu. Tentu-lah sedikit sa-banyak tanda2 'limpas' itu boleh di-kawal jika umpama-nya orang ramai tidak mudah 'memaniskan' sahaja sebarang unsur yang boleh mendorong anak2 muda kita, terutama yang maseh bersekolah menjadi 'limpas' seperti dalam kes yang di-dengar di-mahkamah itu.

BERSIFAT BIJAKSANA DALAM MENEKMATI KESENYANGAN

KHUTBAH Jumaat Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar di-Masjid Datu Imam Abdul Mokti, Kampong Burong Pingai Ayer pada 4hb September, 1981.

DALAM kehidupan ini kita tidak sunyi dari menempoh chorak hidup yang penuh dengan liku-liku yang beraneka ragam. Tetapi suatu hakikat jang-lah di-lupakan bahawa suka dan duka, susah dan senang, sa-berat mana pun kadar-nya namun kedua2-nya itu ada-lah kornia Allah Subhanahu Wata'ala bagi menduga dan menguji hamba-Nya. Ada hamba Allah yang di-uji tentang ketabahan-nya menanggung derita sengsara dan kesungguhan-nya berikhtiar mengatasi kesulitan2 hidup-nya. Ada pula yang di-uji tentang kebijaksanaan-nya menekmati kesenangan yang di-korbankan Allah itu.

KHUSUSKAN

Dalam pada itu, mustahak pula di-sedari bahawa ada kala-nya sa-seorang atau sesuatu pihak itu di-khususkan dengan nikmat kesenangan untuk faedah2 orang lain tumpang menekmati-nya.

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Bahawa bagi Allah itu ada kaum yang di-khususkan dengan nikmat kesenangan untuk faedah orang lain, yang mana mereka itu akan di-perkenalkan terus dalam nikmat tersebut sa-lama mana mereka menggunakan-nya untuk memberi kesenangan kepada orang lain. Sakira-nya mereka menahan nikmat tersebut — dengan chuma memonopoli sendiri faedah2nya, maka Allah akan menarek balek nikmat itu daripada mereka dan mengalahkannya kepada orang lain."

Dapat di-fahamkan bahawa ada-lah tidak hairan jika dalam kehidupan ini di-dapati ada orang yang senang lenang, yang mana itu ada-lah 'SUNNATUL LAH' ia-itu lumrah alam sa-mula jadi. Tetapi kita hendak-nya menerima ke-

nyataan bahawa di-antara orang2 senang lenang itu ada di-antara-nya orang2 yang memang di-khususkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan nikmat kesenangan untuk faedah2 hamba2 Allah yang lain di-samping faedah2 diri mereka sendiri. Orang2 yang sa-demikian itu di-persharatkan oleh Allah mesti melimpahkan nikmat kesenangan bagi dinikmati oleh orang2 lain, jika tidak maka Allah Subhanahu Wata'ala akan menarek-nya dan memin-dahkan-nya kepada orang lain.

Dalam ma'ana 'melimpahkan nikmat' kepada orang lain itu, ugama kita jelas dan terang menentukan bahawa ia, hendak-lah di-lakukan bukan dengan tujuan2 seperti bermuka-muka atau mengambal hati atau pun dengan tujuan menuntut faedah2 yang di-beri limpahan nikmat itu.

Kaum muslimin yang di-hormati, ada-lah di-fahamkan bahawa ertikata orang2 yang di-khususkan dengan nikmat kesenangan untuk faedah2 orang lain di-samping faedah kepada diri mereka itu ia-lah termasuk pegawai2 dan kakitangan Kerajaan. Pegawai2 dan kakitangan Kerajaan ia-lah orang2 yang di-lantek ka-dalam perkhidmatan Kerajaan, yang mana perkhidmatan Kerajaan itu bertujuan untuk kebaikan Negeri dan kesejahteraan semua lapisan rakyat serta penduduk menurut kadar2-nya.

KEINSAFAN

Maka dalam hubungan ini, alhamdulillah, kita di-Negeri ini sa-benar-nya menaruh keinsafan terhadap hal ehwal rakyat dan orang ramai. Pemerintah tertinggi bagi Negeri kita ia-lah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Dipertuan baru2 ini telah bertitah mengenai dengan pegawai2 dan kakitangan Kerajaan Baginda dalam hubungan tugas2 mereka terhadap orang ramai. Antara-nya, Baginda menitahkan supaya pegawai2 dan kakitangan Kerajaan menjalankan tugas2 dengan jujur dan amanah sa-mata-mata untuk kebaikan Negeri Brunei Darussalam yang kita kasahi ini.

Baginda menitahkan: "Mereka hendak-lah menjalankan tugas dengan sempurna tanpa mengira waktu dan penat lelah, dan hendak-lah sentiasa bersedia untuk di-hubungi oleh rakyat yang memerlukan kerana Allah."

HASRAT BAGINDA

Hajat serta hasrat dalam titah Baginda itu sangat chuchok pula dengan ajaran ugama kita di-mana antara-nya Rasulullah s.a.w. pernah menegaskan bahawa Baginda lebih suka berjalan bersama sa-orang yang memerlukan pertolongan daripada Baginda duduk berikhtif di-masjid Baginda sa-lama sa-bulan. Yaani: Rasulullah s.a.w. sangat memberi perhatian berat kepada orang yang datang berha-jat meminta pertolongan, yang mana dalam menolong orang sa-demikian itu Baginda Rasulullah sangat ikhlas sebab pertolongan kepada orang yang memerlukan bantuan ada-lah suatu ibadah.

Sangat dan kehendak hadith Rasulullah s.a.w. dalam perkara menolong orang ini dapat pula di-hubungkan dengan tugas orang2 atau pihak2 yang memegang jawatan atau lantekan Kerajaan terhadap orang ramai. Dalam pada itu kita melihat bahawa oleh kerana pada zaman sekarang perjalanan

dan urusan kerajaan itu di-atorkan mengikut susunan-nya dan pembahagian tugas berdasarkan kuasa yang di-tentukan maka mustahak-lah pula bagi orang ramai memahami bahawa sungguh pun Kerajaan itu di-niatkan untuk berkhidmat dan membantu mereka namun segala masalah dan kerumitan mereka tidak-lah sa-mesti-nya dapat di-selesaikan dalam masa yang singkat.

JADI ALASAN

Dalam pada itu, janganlah pula kenyataan ini di-jadikan alasan oleh pegawai2 dan kakitangan Kerajaan untuk berlengah-lengah pada menjunjung hajat serta hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya mereka sentiasa bersedia di-hubungi oleh rakyat yang memerlukan apa jua pertolongan. Sebab, manu tidak mahu kita terpaksa-lah menerima kedudukan bahawa pada masa ini rakyat dan orang ramai sangat menaruh harapan kepada Kerajaan. Harapan mereka itu pada hakikat-nya ada-lah sangat berpatutan.

Maka begitu-lah waihai saudara2 sa-ugama yang di-hormati. Perkara kerumitan dan masalah yang di-alamai oleh sa-seorang tidak patut menjadi-nya berputus asa dari berikhtiar serta meminta pertolongan. Pihak2 Kerajaan ada-lah sudah di-takdirkan Allah Subhanahu Wata'ala untuk berperanan memberi pertolongan itu yang mana pegawai2 dan kakitangan Kerajaan di-amanahkan melaksanakan peranan tersebut dengan sa-baik2-nya. Fahaman ini hendak-nya akan menjadikan kita berasa lega dan lapang dada apabila mendapati ada orang2 yang di-takdirkan Allah beroleh nikmat kesenangan, bukan sa-balek-nya sesak dada kerana hasad dan dengki. Begitu pula apabila mendapati ada orang yang susah dan malang, kita hendak-nya tidak tinggal menche-moh dan memandang-nya rendah. Kesemua-nya itu sudah merupakan 'SUNNATUL LAH' — lumrah alam samulajadi yang patut di-terima dengan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.





YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna menyampaikan hadiah kepada pemenang pertama dalam kumpulan C, Hadiyattullah Mugtadir bin Abas, sementara gambar bawah kelihatan penghakiman sedang di-jalankan.



Hantarkan barang2 sa-hari sa-belum bertolak

ADA-LAH di-ma'alomkan kepada semua bakal2 haji Brunei akan di-jalankan dalam bulan Disember 1981. Tarikh tetap akan di-umumkan kemudian.

Peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama. Mereka seterusnya di-minta melaporkan diri kepada Shariat Penerbangan Singapura

dak lewat dari jam 8.30 pagi pada tarikh2 penerbangan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama. Mereka seterusnya di-minta melaporkan diri kepada Shariat Penerbangan Singapura

Pepereksaan Sijil Perdagangan Brunei bulan Disember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pepereksaan Sijil Perdagangan Brunei akan di-jalankan dalam bulan Disember 1981. Tarikh tetap akan di-umumkan kemudian.

Peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama. Mereka seterusnya di-minta melaporkan diri kepada Shariat Penerbangan Singapura

dak lewat dari jam 8.30 pagi pada tarikh2 penerbangan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama. Mereka seterusnya di-minta melaporkan diri kepada Shariat Penerbangan Singapura

Pendaftaran bagi pepereksaan tersebut telah pun di-buka dan akan di-tutup pada 30hb September, 1981.

Chalon2 dari kelas dewasa ada-lah di-kehendaki mendaftar melalui guru2 dan penyelia2 pelajaran dewasa di-sekolah masing2. Bagi chalon2 persendirian boleh-lah mendaftar terus ka-Pejabat Lembaga Pepereksaan tidak lewat dari tarikh penutup yang di-tetapkan.

Segala keterangan2 yang di-perolehi (di-tahun2 yang lepas) hendak-lah di-bertakan bersama dengan

borang permohonan masuk — yang boleh di-perolehi dari Pejabat Lembaga Pepereksaan pada waktu2 Pejabat di-buka.

Guru kelas perdagangan ada-lah di-harapkan supaya dapat merujuk dan berpandukan kepada buku berikut apabila mengisi borang yang berkenaan:

a) Peratoran dan Sukatan Pelajaran Sijil Perdagangan
b) Nota dan Panduan Bagi Guru2 dan Chalon Dalam Pepereksaan Menaip.

Buku2 panduan tersebut telah pun di-edarkan kepada guru2 kelas perdagangan. Bagi guru2 yang belum mempunyai-nya di-persilakan datang ka-Pejabat Lembaga Pepereksaan untuk mendapatkan-nya.

350 SERTAI PERADUAN KANAK2 SEHAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna telah berangkat ka-Dewan Pusat Belia di-sini pada hari Jumaat, 4hb September lepas, dan berkenan menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam Peraduan Kanak2 Sehat.

Peraduan tersebut di-anjarkan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei, sa-bagai salah satu acara Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun bagi Daerah Brunei dan Muara.

Lebih dari 350 orang anak2 damit dari daerah Brunei-Muara telah ikut serta dalam peraduan tersebut.

Pengerusi Peraduan, Dy Mariam bte Abdullah memberitahu, penyertaan yang kian bertambah dari sa-tahun ka-setahun telah menunjukkan ada-nya sokongan dan galakan kaum ibu terhadap Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei dalam menganjurkan peraduan sa-rupa itu. Sokongan dan galakan tidak sahaja terdapat di-daerah ini, malah juga di-daerah2 yang lain di-negeri ini.

Peraduan Kanak2 Sehat tahun ini berthemakan 'Mengalakkan anak2 dengan susu dada'.

Thema tersebut, katanya lagi, ada-lah sesuai dengan kempen Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia yang merayu kaum ibu di-seluruh dunia supaya mengambil berat menyusukan anak2 mereka dengan

susu dada bagi kebaikan anak2 yang menjadi warisan dan raayat di-kemudian hari.

Peraduan tersebut juga telah di-hakimkan berdasarkan tema pertandingan tersebut pada sa-belah pagi-nya, sementara hadiah kepada pemenang dan pemenang sagu hati telah di-sampaikan pada sa-belah petang-nya.

Turut berangkat ka-majlis tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah.

Majlis tersebut juga telah di-hadiri oleh Isteri Penasihat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, YDM Datin Seri Utama Hajjah Rosnah; Isteri Pemangku Menteri Besar, Datin Hajjah Zahrah; Isteri Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Datin Idah; Isteri TYT Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Puan Arthur Watson; YAM Pengiran Anak

Hajjah Siti Rafeah, Timbalan Penaong WI dan Penasihat WI, Datin Masni bte Hj Ali.

Pertandingan pada hari itu telah di-bahagikan kepada empat kumpulan. Johan dalam kumpulan A bagi kanak2 yang berumur di-antara empat hingga lapan bulan ia-lah Dy Adlina Rahayu bte Zaini, naib johan ia-lah Nur Farzaida bte Abdullah, sementara tempat ketiga di-menangi oleh Md Faiezal bin Shamsuddin.

Johan dalam bahagian C bagi yang berumur antara lapan hingga 12 bulan pula ia-lah Asmadi bin Tamazi, pemenang kedua ia-lah Mas Rosli bin Idris, dan pemenang ketiga ia-lah Masdoni Azap-haef bin Abd Majid.

Kumpulan C bagi kanak2 yang berumur antara 12 hingga 18 bulan, ia-nya di-menangi oleh Hadiyattullah bin Abas, tempat kedua jatoh kepada Siti Zurina bte Abdullah dan pemenang ketiga ia-lah Adi Kasdeny bin Abdullah.

Azriz Latif bin Abd Aziz menjadi johan dalam kumpulan D bagi kanak2 yang berumur antara 18 hingga 24 bulan. Naib johan ia-lah Sofia bte Sazahan, manakala lanti bte Ismail menduduki tempat ketiga.

Majlis perjumpaan bakal2 haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus2 Haji bagi bakal2 haji di-Daerah Brunei dan Muara yang akan menunaikan fardhu haji tahun ini telah pun berakhir dengan satu majlis perjumpaan yang berlangsung di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-Jalan Tutong pada hari Jumaat lalu.

Yang Berhormat Pengerusi Pegawai Hal Ehwal Ugama Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg Haji Mohd Zain dan Ketua penchera-

mah kursus2 haji Awg Haji Abd Aziz bin Juned telah berucap di-majlis itu.

Turut hadir di-majlis itu termasuk-lah Yang Amat Berhormat Pmk Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abd Aziz.

Majlis pada hari itu juga telah memohonkan restu Illahi agar semua bakal2 haji itu nanti selamat pergi—sempurna menunaikan ibadah haji — dan selamat kembali ka-tanah ayer.



YANG Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bersalaman dengan Dato Marsal bin Maun, salah sa orang yang akan menunaikan fardhu haji tahun ini.

GERAKAN MENGHAPUSKAN ISLAM (III)

Kegiatan Puak Yahudi

ASUNIAH ada-lah suatu pertubuhan sulit yang juga bertujuan menjahanamkan Islam, pertubuhan Masuniah mempunyai hubungan rapat dengan Sehyuniah (Zionism) antarabangsa. Untuk mencapai maksud atau tujuan-nya Masuniah menggunakan topeng berikut ia-itu (kebebasan, persaudaraan, sama rata dan peri kemanusiaan) dan lain2 lambang yang menjadikan banyak pemimpin2 umat Islam, ketua2 negeri Islam, dan ahli fikir Islam kadang2 terperangkap dan tertipu, dan kadang2 juga mereka mengetahui serta menyedari akan jerat dan tipu helah ka-atas mereka.

Pada masa dahulu Masuniah itu di-haramkan menganut-nya ka-atas orang2 Roman Katholik, tetapi pop yang ada sekarang membenarkan orang2 Katholik menganut Masuniah itu, kerana ada tujuan dan melihat di-sebalik-nya. Bagi kita sa-laku orang Islam yang tulin kita hendak-lah berwaspada dari pengaruh Masuniah itu dan ada-lah menjadi kewajipan kita mendedahkan segala kegiatan dan rahsia pertubuhan sulit ini, di-antara lain Kongres Islam saperti yang di-sebutkan dalam siri yang lalu telah memutuskan :

1. Sa-siapa yang memasuki Masuniah dan mengetahui akan bahaya Masuniah itu kepada Islam dan kepada umat Islam seluruh-nya, maka hendak-lah ia segera keluar dari pertubuhan Masuniah itu.
2. Di-haramkan memilih mana2 orang2 Islam bagi memegang sesuatu kerja berkenaan dengan Islam bila diketahui bahawa orang Islam itu menjadi anggota Masuniah.
3. Wajib di-atas kerajaan2 Islam menegahkan perjalanan Masuniah dalam negeri Islam, dan hendak-lah di-sekat apa jua kegiatan Masuniah serta di-tutupus2-nya.

4. Jangan chuba berdampingan dengan mana2 orang yang menjadi anggota Masuniah dan sa-boleh2-nya memulaukan-nya dari bergaul atau bertukar2 fikiran dengan-nya.
5. Mendedahkan bahaya Masuniah dengan mengeluarkan risalah2 dan kertas2 siaran, serta menekankan bahawa Masuniah itu mempunyai hubungan rapat dengan Sehyuniah (Zionism) dan berkhidmat untuk-nya.
6. Berusaha mendapatkan mana2 tempat atau pergerakan Masuniah yang ada dalam tiap2 negeri Islam dan mengambil tahu mana2 anggota-nya yang chergas (aktif) bergerak bagi menghidupkan chita2 Masuniah itu.
7. Mengirimkan siaran2 dan risalah2 Masuniah kepada pertubuhan Rabitah Alam Islam (Muslim World League) beralamat di-Mekah Al-Mukaramah (Saudi Arabia) supaya Rabitah itu menyiarkan semula ka-serata alam Islam.
8. Hendak-lah di-pandang tiap2 satu kelab yang akan di-sebutkan di-bawah ini sa-bagai Masuniah dan di-buat muamalah kapada-nya sa-bagaimana muamalah kita kapada Masuniah itu ia-itu Kelab Rotary, Kelab Lions, Kelab Moral Armament Movements, Kelab Brothers

of Liberty, Kelab Jehovah's Witnesses.

Zionism

Sehyuniah (Zionism) ada-lah suatu pergerakan siasah perkauman yang perchayakan bahawa bang-mulia-mulia unsur dan sa Yahudi ia-lah sa-bangsa di-atas muka bumi ini, sementara lain2 bangsa dan umat semuanya haiwan belaka, di-jadikan mereka itu sa-mata2 untuk berkhidmat kapada Sehyuniah.

Sehyuniah itu berchita2 hendak menaklok semua negeri di-dunia dengan mendirikan sa-buah kerajaan yang tunggal di-alam ini, berpusat di-Israel, mereka sentiasa bekerja untuk merubahkan segala i'tikad (keperchayaan) dan mazhab2 yang ada sekarang bagi faedah Sehyuniah itu sendiri.

Sehyuniah menggunakan dan menjadikan komunism dan Kapitalism sa-bagai alat bagi menyampaikan tujuan2 Sehyuniah itu

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B.,
P.H.B.S., P.I.S. Ashar dan U. Cairo, Mufti

dan kedua-nya pula berkhidmat bagi pehak Sehyuniah sendiri.

Sehyuniah membuat plan atau mengator ranchangan bagi merosakan pemuda2 dan jenerasi baharu dengan menggunakan alat sebaran 'am dan alat2 kemewahan moden, bagi merosakkan akal fikiran dan akhlak mereka.

Oleh yang demikian untuk kepentingan Islam maka wajib-lah di-dedahkan plan2 atau ranchangan2 Sehyuniah itu kapada orang2 Islam khusus-nya, dan kapada dunia 'am-nya yang mana salah satu ranchangan-nya yang terbesar ia-lah :

"Bagi memecah-belahkan alam Islam dan melemahkan kekuatan-nya."

Keputusan Kongres

Dari faktor (sebab2) yang di-sebutkan di-atas maka Kongres telah membuat keputusan :

1. Berdiri tegas melawan orang2 Sehyun (Yahudi) dan penyokong2 mereka dan jangan bekerjasama dengan mereka, juga jangan di-benarkan me-

reka masuk ka-dalam negeri Islam.

2. Memulaukan segala Company dan sharikat Sehyuniah dan pertubuhan2 mereka.

3. Memulaukan segala filem2, akhbar2, majallah2 Sehyuniah dan lain2 yang bersimpati dengan filem2, akhbar2 dan majallah2 Sehyuniah itu, seterusnya jangan di-bawa masuk ka-dalam alam Islam. Langkah2 perlu di-ambil dengan membuat suatu jadual bagi nama filem2, majallah2, akhbar2, pelakun2 dan penulis2 mereka dan jadual itu di-siarkan kapada alam Islam.

4. Mengawal pemuda2 Islam yang ada di-barat dan menchehag mereka dari masuk ka-dalam perangkap dan pengaruh Sehyuniah.

5. Mesti-lah di-adakan suatu alat sebaran 'am yang kuat bagi menolak segala tipu helah Sehyuniah sesuai dengan perkembangan dunia hari ini.

WALLAHU A'ALAM

(Bersambung)



SEMUEL anak Brandah, 16 tahun berasal dari Sibul, Sarawak baru2 ini telah memeluk ugama Islam di satu majlis yang berlangsung di-rumah Awang Mohd. Salleh bin Abdul Latif di-Jalan Bahagia, Bandar Seri Begawan. Beliau kini di-kenali sa-bagai Awang Ramli bin Abdullah.
Saudara baru Islam itu melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin ((gambar atas).

TINGKATKAN AKHLAK ANAK2 BANGSA

SAMAKIN negara bertambah maju dan pesat dengan bermacam2 rupa rancangan pembangunan, maka sa-makin patut dan mustahak kita meninggikan mutu akhlak anak2 bangsa kita, terutama pemuda dan pemudi, sama ada yang terpelajar atau pun tidak, sama2 diasuh dan mendapat didekan budi pekerti yang sempurna.

Maksud di-timbulkan hal ini, sa-bagai langkah beringat-ingat dan berjaga-jaga bahawa biasa-biasanya kepesatan ekonomi dan pertambahan jumlah penduduk sa-sebuah negara itu akan di-ikuti oleh berbagai-bagai masalah, termasuklah masalah moral. Negeri Brunei telah lama di-kenal sa-bagai sa-buah negeri yang aman dan damai, sesuai dengan nama-nya "Darussalam". Kalau dulu2, tidak usah jauh2, ambil sahaja tahun lima pulohan, hal2 jena-jar2 benar di-degar. Rumah layah2 tidak ada penchuri yang masuk.

Tetapi hal keadaan begitu sudah jadi kenangan sahaja. Negeri Brunei se-

karang sudah mengenal jenayah, bahkan jenayah2 itu termasuklah jenayah2 berat. Dari kes2 tipu, churi dan pechah rumah, sampai kepada kes2 rogol dan bunuh pun naik mahkamah, lain lagi yang berkaitan dengan kes2 mahkamah kadhi di-satu pehak. Pendek-nya, apa lagi jenis jenayah yang tidak ada di-Brunei sudah ada sekarang.

AMANAH

Maka berdasarkan ini, wahai kaum Muslimin, patutlah kita semua sedar, ia-itu semua raayat yang berlandong di-bawah panji2 Brunei, supaya mengutamakan asohan dan didekan akhlak yang baik kepada anak2, mengambil berat tentang pelajaran mereka, terutama pelajaran agama-nya, di-ajar supaya mengamalkan prinsip hormat-menghormati, patuh kepada ajaran2 Allah, kepada undang2, menghormati negara, raja dan bangsa-nya.

Di-sisi Allah s.w.t., anak2 dan harta itu adalah sa-bahagian daripada amanah. Dan sa-bagai amanah ia mesti-lah di-pe-



lihara dengan sempurna. Firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Anfal ayat 27 dan 28, yang bermaksud kira2:

"Wahai orang2 yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan rasul, dan mengkhianati amanah2; sedang kamu mengetahui. Ketahuilah bahawa harta dan anak2 kamu itu ada-lah ujian".

MENYEMPURNAKAN

Satu2-nya chara menyempurnakan amanah dalam perkara yang berkaitan dengan anak2, ialah membekalkan-nya dengan asuhan dan pendidikan agama Islam. Kewajipan ini terletak kepada ibu-bapa, samada menyampaikan-nya sendiri atau pun melalui sekolah2 agama dan sa-bagai-nya. Kerana itu ibu-bapa di-samping berkewajipan mengasah anak2, juga sangat penting menentukan chorak pendidikan anak2 itu jangan langsung terlepas dari umama. Agama anak2 ada-lah paling asasi, kerana ia berekor menjadi sukut2 yang akan menentukan bentuk masyarakat di-kemudian hari. Jika baik anak2 pada hari ini, akan baik-lah jenerasi bangsa pada hari esok. Indah-lah wajah ibu pertiwi yang bersapu dengan keberkatan dan keredhaan Allah.

97 org memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 97 orang telah memelok ugama Islam di-negeri ini dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini. Kebanyakan saudara2 baru itu terdiri dari puak2 asli di-negeri ini.

Dari jumlah tersebut Daerah Brunei-Muara ada-lah yang terbanyak sekali ia-itu sa-ramai 45 orang, manakala Daerah Belait 35 orang, Daerah Tutong 13

orang dan Daerah Temburong sa-ramai 4 orang.

Memandangkan kapada perkembangan da'awah Islamiah di-negeri ini semakin maju, sa-jajar dengan perkembangan dan pembangunan negara, adal-ah di-jangkakan lebeh ramai lagi orang2 yang akan memelok ugama Islam di-negeri ini.

IBU-BAPA ADA-LAH PERTENGAHAN PINTU SHORGA

DI-zaman Rasulullah s.a.w. ada sa-orang lelaki yang saleh dan nama-nya ia-lah Al-A'qamah. Dia sa-orang yang kuat beribadat dan bersedekah kapada fakir miskin. Al-A'qamah mempunyai sa-orang ibu, tetapi sa-sudah berkahwin ibu-nya merasa diri-nya tidak di-pedulikan oleh anak-nya, dan membawa diri ka-tempat lain tanpa di-pujuk oleh Al-A'qamah.

Pada suatu hari sedang Rasulullah s.a.w. dudok bersama dengan para sahabat, tiba2 datang isteri Al-A'qamah dengan berwajah sedih mendapatkan Baginda seraya berkata: "Ya, Rasulullah, suamiku sedang dalam nazak (menghadapi mati) dan kedatangannya ku untuk menyampaikan pada mu tentang hal ini".

Rasulullah s.a.w. pun menyuruh sahabat2-nya pergi melihat Al-A'qamah dan bergilir2 menguchapkan 'La ilahailallah' ka-telinga Al-A'qamah tetapi

Bingkisan
minggu
ini

lidah-nya kelu dan mulut-nya terkunci. Para sahabat berasa khuatir kalau2 Al-A'qamah tidak dapat menyebutkan kalimah tersebut.

BERJUMPA RASULULLAH

Melihat hal ini, salah sa-orang sahabat Rasulullah s.a.w. ia-itu Bilal dengan segera memberitahu hal itu kepada Rasulullah dan Baginda bertanya: "Ada-kah kedua ibu-bapanya maseh hidup lagi?".

Rasulullah s.a.w. menyuruh Bilal berjumpa dengan ibu Al-A'qamah dan menyuruh-nya datang berjumpa Baginda. Ibu Al-A'qamah dengan sa-batang tongkat datang berjumpa Rasulullah kerana dia tidak mahu Nabi sendiri datang berjumpa dengannya.

Rasulullah s.a.w. bertanya kapada ibu Al-A'qamah: "Berkata benar-lah kapada ku bagaimana keadaan anak mu Al-A'qamah?".

Jawab ibu Al-A'qamah: "Ya Rasulullah, sesungguhnya Al-A'qamah bersedekah dengan wang yang tidak terkira banyak-nya dan juga beramal saleh tetapi dia lebeh menchintai isteri-nya dan tidak di-pedulikan-nya aku lagi. Sedangkan segala chakap isteri-nya di-ikuti saja tetapi aku tidak di-hiraukan-nya".

Rasulullah s.a.w. menjawab: "Oleh kerana ibu marah kapada-nya, maka lidah dan mulut-nya terkunci tidak dapat menguchapkan kalimah 'La ilahailallah'."

Kemudian Rasulullah s.a.w. menyuruh Bilal pergi mengumpul kayu api untuk membakar Al-A'qamah.

Apabila ibu Al-A'qamah mendengar perintah Nabi kapada Bilal, maka dia pun berkata: "Ya Rasulullah, tuan hendak membakar anak ku di-hadapan ku sendiri, bagaimana-kah aku boleh melihat-nya?".

SEKSAAN ALLAH

Rasulullah s.a.w. menjawab: "Ya ibu, sesungguhnya seksaan Allah lebeh pedih dan kekal kechuali ibu mengampunkan segala dosa-nya, kerana sa-lama ibu marah kapada Al-A'qamah maka sembahyang dan sedekah-nya tidak berguna bagi-nya".

Bila mendengar chakap Rasulullah s.a.w. itu, maka ibu Al-A'qamah pun memaafkan segala kesalahan anak-nya di-hadapan Nabi dan semua yang hadir.

Kemudian Rasulullah s.a.w. menyuruh Bilal pergi melihat keadaan Al-A'qamah, ada-kah dia boleh menguchapkan Kalimah Shahadat itu. Bilal pun segera pergi melihat Al-A'qamah di-rumah-nya dan ketika dia sampai di-pintu Al-A'qamah, Bilal mendengar Al-A'qamah menguchapkan Kalimah Shahadat tersebut dan menghembuskan nafas-nya yang akhir.

Demikian di-paparkan satu peristiwa untuk menjadi renongan kita bersama. Mudah2an dengan itu akan memberikan rasa keinsafan dan kesedaran sahingga kita sa-bagai sa-orang anak yang tahu menghargai jasa ibu-bapa.

Ini bersesuaian lagi dengan pesanan Rasulullah s.a.w. kapada kita supaya berkelakuan baik terhadap ibu-bapa. Sabda-nya: "Kedua ibu-bapa itu ia-lah pertengahan pintu Shoragha, maka pelihara kedua ibu-bapa-mu."


Pegawai Perhubungan Haji bertolak ka-Mekah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama yang di-lantek menjadi Pegawai Perhubungan Haji pada tahun ini telah berlepas ka-Saudi Arabia pada 2hb September, 1981 yang lalu untuk menguruskan hal perumahan dan lain2 urusan berhubung dengan jemaah haji dari Brunei yang akan menunaikan fardhu haji pada tahun ini.

Mereka ia-lah Awang

Haji Besar bin Abu Bakar dan Awang Haji Mahalee bin Haji Abdullah. Mereka akan pergi ka-Jeddah, Madinah dan Mekah untuk berunding dengan pihak2 yang berkenaan di-sana.

Berada di-lapangan terbang untuk menguchapkan selamat belayar kapada mereka itu ia-itu Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin (kanan).



Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 9hb September, 1981 hingga ka-hari Selasa 15hb September, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
9hb Sept		12.23	3.39	6.28	7.40	4.40	4.56	6.12
10hb Sept		12.23	3.39	6.28	7.40	4.40	4.56	6.12
11hb Sept		12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11
12hb Sept		12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11
13hb Sept		12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11
14hb Sept		12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11
15hb Sept		12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



BAHAGIAN Melayu Radio Brunei dari minggu ka-sembinggu sentiasa meninjau kegiatan2 kampung yang turut menyertai rancangan Kampung Terpuji. Sejah ini pehak penganjur telah dapat melihat akan kebolehan anak2 kampung, baik dari segi kebolehan anak2 kampung itu sendiri, mahu pun sejarah kampung yang berkenaan.

Selain daripada itu ia-nya juga dapat memberikan kesedaran anak2 kampung demi menjaga akan kebersihan dan ketenteraman kampung.

Keluaran kali ini siri Kampung Terpuji akan menyiarkan dan meninjau kegiatan Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait. Siaran-nya akan ka-udara pada hari Ahad 13hb September, 1981 jam 2.00 petang.

Kelihatan dalam gambar atas dan bawah, merupakan aneka kegiatan dari penduduk2 kampung Bukit Sawat, Ulu Belait yang telah di-siarkan pada 6hb September, 1981.



Bhg Melayu Radio kelolakan malam perayaan di-Temburong

DI-MALAM itu Temburong bagaikan bermandi cahaya 'lampung', dian dan sinar letrik. Pekan Bangar serasa karam oleh jeritan musik yang mengiringi suara para penyanyi bintang radio, bintang kecil dan bintang2 mutika. Malam itu ada-lah salah satu dari malam-malam perayaan sambutan hari ulang tahun keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-35. Malam itu puluhan artis yang terdiri dari penyanyi-penyanyi, pemusik-pemusik, pelawak dan pelakon yang semuanya pernah munchol di-radio dan TV juga dipentas-pentas ibu kota mendarat di-Pekan Bangar dengan beberapa buah 'outboard' yang di-sewa khas kesana, menyusur sungai-sungai.

Malam itu, Bahagian Melayu Radio Brunei dipertugaskan membawa misi penglipurlara ka-Daerah Temburong untuk menghidupkan bandar yang di-kelelingi oleh hutan2 itu, dan Radio Brunei tidak menghampakan hasrat jawatankuasa perayaan di-sana terutama para penduduk-nya. Radio Brunei mengatorkan 'show' tersebut mulai selepas Isha

hingga menjangkau waktu tengah malam.

Sa-benar-nya Radio Brunei sering di-hubungi supaya tiap tahun dapat 'mengator' pertunjukan2 serupa itu terutama bila di-adakan sambutan2 atau perayaan2 besar. Dan Radio jarang2 menolak permintaan ini kecuali ada aral melintang yang benar2 tidak dapat di-elakkan. Kesimpulan dari pertunjukan pentas Radio Brunei di-Temburong malam perayaan itu ternyata bahawa orang ramai begitu ghairah mahu berkenalan lebih dekat dengan para artis tempatan, yang sa-lama ini mereka kenali melalui suara2 yang kedengaran di-radio atau kelihatan di-kacha2 TV.

Ternyata pada malam itu artis2 tempatan mempunyai ramai peminat di-Temburong, dan bagi pehak Radio pula dapat memastikan bahawa tenaga-nya sa-lama ini men-chungkil bakat2 terpendam tanah ayer tidak sia-sia atau merupakan tenaga yang terbuang begitu saja. Akhir-nya terima kaseh dari pehak Radio Brunei kepada semua yang berkenaan di-Temburong, atas segala sambutan dan layanan mesra.



SALAH satu kemunchak acara perayaan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ke-35 tahun bagi Daerah Temburong, satu pementasan Pesta Ria anjoran Bahagian Melayu Radio Talivishen Brunei telah di-adakan bertempat di-Padang Pekan Bangar, Temburong baru2 ini.

Artis2 tempatan, S. Ros, Tuminam Timbang, Ak Azhari, Ak Othman, Dk Faridah, Jamilah Othman, Haslinda Md Taib, Erwan Md Said, Tizan Jamuddin, Roslany Adnan, Effandy Agus, Penari2 RTB dan pelawak Gellen dan Zaini telah menjayakan pesta tersebut.

Gambar atas kelihatan barisan penyanyi2, penari dan pelawak menyanyikan lagu Rasa Sayang, sa-bagai acara pembukaan dengan iringan Kugiran PGGMB di-bawah pimpinan Muhammad Haji Md Yassin.

SANDIWARA RADIO: Tulisan Mas D. Queen

'TUNAS KASEH TUNAS HARAPAN'

SANDIWARA Radio minggu ini TUNAS KASEH TUNAS HARAPAN terbitan Zaini Md Yusoff akan menemui peminat dan pendengar melalui rancangan Sandiwaras Radio.

Sandiwaras kali ini akan mengesahkan soal sa-gelintir masyarakat yang hidup dalam berumah-tangga yang penuh dengan chubuan dan chabaran. Di-mana sa-tiap chubuan dan chabaran itu ada dengan pembalasan yang sa-timpal dengan kadar perbuatan yang di-lakukannya.

Watak hero dan heroin (Helmi) dan Edah merupakan pasangan suami isteri yang berbedza dari segi taraf dan kedudukan. Di-mana watak Edah ada-lah melambangkan sa-orang suri rumah-tangga yang terpelajar, sedangkan suaminya Helmi merupakan sa-orang pemuda yang menjadi kutu embun malam.

Tidak hairan-lah pertengkaran sering terjadi antara kedua pasangan ini sa-hinggakan Helmi sanggup meninggalkan

Edah dengan tujuan Helmi sudah ada pasangan lain di-luar bernama Rita.

Sekian lama Helmi dan Rita berdampingan, timbul pula perbalahan antara kedua-nya. Di-mana pendirian Helmi tidak lagi dapat di-terima oleh Rita. Rita juga mempunyai pendirian yang tersendiri sa-hingga menjadikan Helmi dan Rita berpisah lagi.

Helmi chuba2 kembali lagi pada isteri-nya Edah, tetapi sayang sa-lama peninggalan Helmi, Edah terus mengutamakan pelajaran-nya bersama Roslan, sa-hinggakan Edah dan Roslan berjaya untuk melanjutkan pelajaran mereka ka-seberang laut.

Apa pula yang terjadi pada Helmi, bagaimana hal Rita? Berjaya-kah Roslan dan Edah mencapai chita2-nya?

Untuk mengetahui perjalanan semua kesah2 ini, ikuti-lah cherita-nya yang akan ka-udara pada hari Ahad 13hb September, jam 12.00 tengahari.



RESEPI MASAKAN

BISCUIT 'SHORT BREAD'

Bahan2-nya : —

5 ozs tepong gandom

4 ozs mentega

2 ozs gula castor

1 ozs tepong beras

Chara2 membuat-nya : —

1. Gaul tepong gandom, tepong beras dan gaul hingga rata.
2. Kemudian masukkan mentega dan gaul dengan menggunakan hujung jari hingga rata.
3. Sa-sudah betul2 sehati, chanai perlahan2 dan terap dengan achuan bulat.
4. Chuchok tengah2-nya dengan garpu dan di-tepi-nya sepi dengan penyepit tart.
5. Sa-sudah selesai bakar-lah dalam oven.

RANCHANGAN TV MINGGU III

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU — 9HB. SEPT.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NATURE OF THINGS: "Left brain and Right brain."
5.30 GODZILLA: "Ghost Ship"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY: Family Reunion
6.28 AZAN MAGHRIB
6.32 MORK AND MINDY — sambongan
6.35 SAPPHIRE AND STEEL

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 B J AND THE BEAR: Who Is B. J.?
7.40 AZAN ISHA
7.44 B J AND THE BEAR — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 GIVE US A CLUE: Satu siri ranchangan penal baru bagi semua keluarga. Peserta menunjukkan aneka kelakuan demi untuk menyampaipai atau menerima makna yang dimaksudkan.
9.15 KNOT'S LANDING: "Small Surprises"
10.05 TAYANGAN GAMBAR: "The Law and Jake Wade" Jake Wade ialah bekas sa-orang penjenayah tetapi telah di-lantek menjadi sa-orang "Marshal" di-sebuah bandar di-New Mexico. Dengan ketibaan Clint Hollister di-bandar itu, segala-galanya jadi berubah. Pelakon2: Robert Taylor, Richard Widmark, Patricia Owens, Robert Middleton, dll.
11.45 SIARAN TAMAT.

KHAMIS — 10HB. SEPT.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 IRAK PACK
6.28 AZAN MAGHRIB
6.32 SPECTRUM: Health

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY: "Planet of the Amazon Woman"
7.40 AZAN ISHA
7.44 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 CHERAMAH: Mengapa Islam?
9.15 DUNIA MINGGU INI
9.45 THREE'S COMPANY: "Will the Real Jack Tripper...?"
10.10 ASSASSINATION RUN: Bgh. 2
10.30 TRAPPER JOHN: "Have I Got a Girl For You" Trapper terpikat dengan sa-orang jururawat muda yang juga menjadi pesakit menjalani rawatan-nya.
11.45 SIARAN TAMAT.

JUMAAT — 11HB. SEPT.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
